

WAN MOKHTAR, ABDULLAH BADAWI DAN ANWAR NAIB PRESID

Mahathir – Ghafa

menang

UM 25 APR 1987

Ucapan penuh
Dr. Mahathir
di Muka 8

SENARAI KEPUTUSAN

PENGERUSI TETAP	Undi
Tan Sri Sulaiman Ninam Shah	850
Shamsuri Salleh	453
Mohd. Nor Mohd. Dom	106
R.M. Idris	32
Baharom Shah Indera	19
TIMBALAN PENERUSI TETAP	
Datuk Shuib Haji Ahmad	533
Datuk Haji Abdul Rahman Mahmud	313
Shamsuri Salleh	310
Mohd. Amin Daud	203
Senator Azman Attar Othman	107
PRESIDEN	
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad	761
Tengku Razaleigh Hamzah	718
Timbalan Presiden	
Encik Ghafar	739
Datuk Musa Hitam	699
NAIB PRESIDEN	
Datuk Amar Wan Mokhtar Ahmad	935
Datuk Abdullah Ahmad Badawi	879
Encik Anwar Ibrahim	850
Datuk Rais Yatim	690
Datuk Sri Ramli Ngah Talib	667
Dato' Harun Idris	398

Oleh **Khalid Mohd**

KUALA LUMPUR 24 April Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kekal sebagai Presiden UMNO dengan kemenangan tipis — 43 undi.

Encik Ghafar Baba pula berjaya merampas kerusi Timbalan Presiden dari Datuk Musa Hitam, juga dengan kemenangan tipis — 40 undi.

Tiga Naib Presiden yang menang ialah Datuk Sri Amar Wan Mokhtar Ahmad (935), Datuk Abdullah Badawi (879) dan Encik Anwar Ibrahim (850).

Bagi jawatan Presiden, Datuk Sri Dr. Mahathir mendapat 761 undi manakala pencabarnya, Tengku Razaleigh Hamzah meraih 718 undi. Tidak ada undi rosak dalam pertarungan sengit ini. Dalam perebutan Timbalan Presiden, Encik Ghafar yang mencabar Datuk Musa mendapat 739 undi manakala Datuk Musa mendapat 699 undi. Undi rosak 41.

Keputusan - keputusan ini diumumkan oleh Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah pada pukul 10.43 malam terus dari Kompleks UMNO melalui RTM.

Tan Sri Sulaiman mengekalkan jawatannya sebagai Pengerusi Tetap dengan 850 undi manakala Datuk Shuib Ahmad juga kekal sebagai Timbalan Pengerusi Tetap dengan 533 undi.

Keputusan 25 kerusi Majlis Tertinggi masih dikira dan akan hanya diumumkan esok.

Pengumuman keputusan - keputusan ini yang ditunggu oleh seluruh negara dengan penuh debaran menamatkan berbagai spekulasi dan ramalan yang mencengkam politik tanahair sejak empat bulan lalu.

Kemenangan Datuk Sri Dr. Mahathir dan Encik Ghafar jelas menunjukkan para perwakilan mengundi mengikut regu seperti yang diminta oleh Datuk Sri Dr. Mahathir dalam perutusan terakhirnya.

Bagaimanapun, para perwakilan mengundi campuran bagi tiga jawatan Naib Presiden. Mereka mengundi Encik Anwar (regu Mahathir) dan Datuk Abdullah Badawi (regu Tengku Razaleigh). Datuk Amar Wan Mokhtar yang mendapat undi paling tinggi dianggap orang yang berkéculi.

Seorang lagi regu Mahathir yang tewas dalam eubaan menjadi Naib Presiden

MAHATHIR-GHAFAR MENANG

ialah Menteri Besar Perak, Dato' Sri Ramli Ngah Talib. Beliau menarik diri dari bertanding kerusi Majlis Tertinggi sebagai strategi untuk memperkuatkan peluang kemenangannya. Kemenangan Datuk Abdullah Badawi dan Encik Anwar bererti UMNO kini mempunyai dua Naib Presiden dari Pulau Pinang — seorang orang Tengku Razaleigh dan seorang orang Datuk Sri Dr. Mahathir.

Kemenangan Datuk Abdullah adalah bagi penggal kedua manakala yang pertama bagi Encik Anwar berbezaan 29 undi antara mereka berdua juga menunjukkan kedua - dua

tokoh ini mendapat sokongan yang sama kuat dalam UMNO. Bagi Datuk Sri Dr. Mahathir pula, kemenangannya kali ini merupakan kemenangan yang pertama dalam 'gelanggang'. Walaupun sudah lebih dua penggal menjadi Presiden, beliau menang tanpa bertanding.

Semasa menjadi Timbalan Presiden pun beliau menang tanpa bertanding. Tengku Razaleigh pula tewas bagi kali ketiga. Kali pertama dan kedua adalah semasa beliau merebut jawatan Timbalan Presiden melawan Datuk Musa. Bagi Datuk Musa pula, inilah kekalahannya yang

pertama setelah dua kali menikmati kemenangan sebagai Timbalan Presiden semasa beliau berada dalam 'regu' Datuk Sri Dr. Mahathir.

Bagi Datuk Rais Yatim, kekalahannya kali ini merupakan kekalahannya yang ketiga dalam cubaan menjadi naib presiden. Dato' Harun pula pernah memenangi jawatan naib presiden bagi satu penggal dari tahun 1981 hingga 1984. Kali ini, beliau mendapat undi terendah (398).

Kemenangan Datuk Sri Amar Wan Mokhtar dengan undi terbanyak memang telah diduga.